

(太平十五日訊)  
可惡的謠言！可怕的打  
賄！

太平市近日盛傳，  
我國政府一位極高層領  
袖，將於本月杪或下月  
初下台。

這項謠言迅速廣泛  
散播，非常熾烈，已經  
完全掩蓋了蔣經國的  
大選，成為市民茶餘飯  
後的主要話題。

可惡的謠言！星洲日報 16 AUG 1986

# 太平盛傳我國一領袖 將於月杪或稍後下台

職位，丑聞等等，宣稱  
這位高層領袖不獲黨內  
信任，面對重重壓力下

，令人側目。

因為這項謠言的廣  
泛流傳，馬上吸引賭徒

高達數以萬元計，彷彿  
持有確鑿證據一般，真  
個令小市民震驚。

八月卅一日午夜作伴，  
也有些則延至九月二日  
午夜十二時為標準，打  
賭這位要人屆時是否辭  
職云云。

據來自怡保方面的  
消息，這種謠言風聲，  
近日也在怡保盛傳，成  
為打賭的對象。

此外，據悉，在江  
沙區，類似風聲在大選  
前已傳出，不見其息，

INILAH keratan akhbar Sin Chew Jit Poh mengenai berita tentang seorang pemimpin tinggi kerajaan akan meletakkan jawatan.

## Sin Chew jelaskan berita letak jawatan berasas khabar angin

KUALA LUMPUR 20  
Ogos — Akhbar Sin  
Chew Jit Poh hari ini men-  
jelaskan, laporannya ten-  
tang seorang pemimpin  
tinggi kerajaan akan melet-  
akkan jawatan akhir bulan  
ini adalah berasaskan ke-  
pada khabar - khabar angin  
yang berpunca di Ipoh.

Seorang pegawai eksekutif akhbar tersebut berkata: "Laporan itu dibuat oleh seorang pemberita kami di

Ipoh setelah mendengar khabar - khabar angin itu di Ipoh dan Kuala Kangsar.

Beliau juga mengakui bahawa berita yang berasaskan khabar - khabar angin bukanlah berita yang baik untuk disiarkan "tetapi ia masih dianggap sebagai satu berita."

Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim semalam menyatakan kesalnya kerana khabar angin

itu menjadi berita hangat di kalangan rakyat sesudah pilihanraya sehingga ia disebarkan beberapa hari lalu oleh sebuah akhbar berbahasa Mandarin yang kononnya Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan meletak jawatan.

Encik Anwar yang juga Menteri Pelajaran dalam kenyataan yang sama menyelar beberapa orang pemimpin parti pembangkang yang disifatkannya sebagai

"kecewa dalam percaturan politik" dengan menyebarkan khabar - khabar angin kononnya Perdana Menteri akan meletak jawatan.

Laporan akhbar Sin Chew itu bertarikh 15 Ogos dan disiarkan di muka lima menyebut: "Khabar - khabar angin sedang bertiuip kencang bahawa seorang pemimpin tinggi kerajaan akan meletak jawatan pada penghujung bulan ini atau bulan depan."

Laporan itu juga menyebut kononnya terdapat beberapa tanda yang menunjukkan bahawa pemimpin tersebut tidak lagi dipercayai oleh partinya dan sedang menghadapi beberapa tekanan politik.

"Tekanan - tekanan itu termasuk kesukaran melantik ahli - ahli Exco negeri, skandal - skandal dan sebagainya," kata laporan itu tanpa menjelaskan dengan lebih lanjut.

Tambah laporan itu lagi, berikutan dengan tekanan - tekanan itu adalah dijangkakan pemimpin berkenaan mungkin akan meletak jawatan.

Laporan Sin Chew itu menambah penjudi - penjudi juga telah mengambil kesempatan dengan membuat pertaruhan yang melibatkan wang beribu - ribu ringgit tentang sama ada pemimpin berkenaan akan meletak jawatan atau tidak.

Menurut laporan sama ada pemimpin berkenaan akan meletak jawatan atau tidak akan diketahui pada tengah malam 31 Ogos iaitu Hari Kebangsaan.